2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh siasatan ialah RM46,014.34.
  3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas iaitu RM15,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Belas Ribu sahaja);
- (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
- (c) di mana amaun penuh harga jualan jika tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
  - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
  - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari dari tarikh jualan dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan dalam sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucut hak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267A.

**JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN**

Mukim—Kota Lama Kiri. No. Lot—5696. Jenis dan No. Hakmilik—E.M.R. 6300. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 982/90 Jilid 42 Folio 73 dan No. Perserahan 983/90 Jilid 43 Folio 74.

Bertarikh 19 November 2007  
[PTKK/LA/KLI/13/07]

NURUL AZNI BINTI YAHAYA  
*Pentadbir Tanah Daerah*  
*Kuala Kangsar*

**No. 1575.**

Saya, Nurul Azni binti Yahaya, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya perintah:

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam pada hari Isnin, 18 Februari 2008 jam 10.00 pagi bertempat di Pekarangan Pejabat Tanah Kuala Kangsar, Perak; dan
  - (b) bahawa rizab bagi maksud jualan itu ialah RM77,000.00 (Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Tujuh Ribu sahaja);
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM35,433.00.
  3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
    - (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas iaitu RM7,700.00 (Ringgit Malaysia: Tujuh Ribu Tujuh Ratus sahaja);
    - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta merta selepas tukul dijatuahkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
    - (c) di mana amaun penuh harga jualan jika tidak dibayar selepas tukul dijatuahkan oleh penawar yang berjaya—
      - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
      - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
    - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari dari tarikh jualan dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
    - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan dalam sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucut hak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267A.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Chegar Galah. No. P.T.—611. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 541. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 57/2000 Jilid 62 Folio 22.

**No. 1576.**

Saya, Nurul Azni binti Yahaya, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan;

Dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya perintah:

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam pada hari Isnin, 25 Februari 2008 jam 10.00 pagi bertempat di Pekarangan Pejabat Tanah Kuala Kangsar, Perak; dan
  - (b) bahawa rizab bagi maksud jualan itu ialah RM55,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Lima Ribu sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM2,449.54.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas iaitu RM5,500.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ribu Lima Ratus Sahaja);
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta merta selepas tukul dijatuhan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan jika tidak dibayar selepas tukul dijatuhan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
    - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
  - (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari dari tarikh jualan dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
  - (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan dalam sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucut hak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267A.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Kota Lama Kiri. No. Lot—8695. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2011. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 539/1995 Jilid 54 Folio 45.

Bertarikh 22 November 2007  
[PTKK/T/LA/KLI/12/07]

NURUL AZNI BINTI YAHAYA  
*Pentadbir Tanah Daerah*  
*Kuala Kangsar*

## PEMBETULAN

**No. 1577.**

Saya, Nasd Rahayu binti Abdul Rahim, Penolong Pentadbir Tanah, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan cara lelongan awam yang akan diadakan pada hari Jumaat, 30 November 2007 jam 10.00 pagi di Pekarangan Pejabat Tanah Sungai Siput, Perak;
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM35,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Puluh Lima Ribu Sahaja); dan
  - (c) luar Simpanan Melayu.
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian/pemegang-pemegang gadaian pada tarikh siasatan ialah:
- |       |       |
|-------|-------|
| (a) — | (b) — |
|-------|-------|
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM3,500.00 (Ringgit Malaysia: Tiga Ribu Lima Ratus sahaja);
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan jika tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan

- (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari dari tarikh jualan iaitu, tidak lewat dari tarikh – dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan bagi tempoh yang ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucutkan hak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah seksyen 267A.

**JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN**

Bandar/Pekan/Mukim—Pulau Kamiri. No. Lot—3829. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1794. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 210/1995.

Bertarikh 27 November 2007  
[PTSS(F/C) 10/2002]

NASD RAHAYU BINTI ABDUL RAHIM  
*b.p. Pentadbir Tanah Daerah  
Kuala Kangsar*

**AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960**

(Akta 486)

**LAND ACQUISITION ACT 1960**

(Act 486)

**No. 1578.**

(Seksyen 8)

**PERISYTIHARAN-PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN**

(Section 8)

**DECLARATIONS OF INTENDED ACQUISITION**

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah dan kawasan tertentu yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Pengambilan tanah di bawah perenggan 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486] untuk Projek Jalan Pintasan Pekan Bidor, Mukim Bidor, Daerah Batang Padang.

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

20hb Dis. 2007]

1385

2. Pelan tanah dan kawasan yang dinyatakan itu boleh diperiksa pada waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat letaknya tanah dan kawasan itu.

It is hereby declared that the particular lands and areas specified in the Schedule hereto are needed for the following purposes:

Land acquisition under paragraph 3(1)(a) of the Land Acquisition Act 1960 [Act 486] for Projek Jalan Pintasan Pekan Bidor, Mukim Bidor, Daerah Batang Padang.

2. A plan of the particular lands and areas so specified may be inspected during the normal hours of business in the Land Office of the District in which such lands and areas are situated.

## JADUAL/SCHEDULE

Daerah/District—Batang Padang. Mukim—Bidor.

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
No. Lot Ukur	Hakmilik atau Kependudukan	Tuan punya berdaftar atau penduduk yang direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
Survey Lot No.	Title or Occupation	Registered Proprietor or Recorded Occupant	Area of Lot	Approximate Area to be Acquired
			HEKTAR/ HECTARES	HEKTAR/ HECTARES
3499	1415	Fatimah binti Nator 32/176 bhg., Saffiah binti Hashim 1/2 bhg. dan Fatimah binti Nator sebagai Pemegang Amanah 1 56/176 bhg.	0.7031	0.0975
		H.S.M.		
6516	207/70	Abdul Aziz bin Othman 1/1 bhg.	0.3898	0.0596
		G.M.		
3501	1416	Tang Kuang Wah 1/2 bhg. dan Tzai Chiou Foong 1/2 bhg.	1.1179	0.0554
3502	841	Hasmah binti Abdul Rahman 1/1 bhg.	1.1078	0.2808
		G.R.N.		
4116	48220	Pangkal Melati Sdn. Bhd. 1/1 bhg.	3.1371	0.0502
4117	48221	Pangkal Melati Sdn. Bhd. 1/1 bhg.	3.1363	0.0696
4118	48222	Pangkal Melati Sdn. Bhd. 1/1 bhg.	3.1414	0.0799
4119	48223	Pangkal Melati Sdn. Bhd. 1/1 bhg.	3.1388	0.0759
4120	48224	Pangkal Melati Sdn. Bhd. 1/1 bhg.	3.2223	0.0765

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

1386

[20hb Dis. 2007]

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
	G.M.		HEKTAR/ HECTARES	HEKTAR/ HECTARES
4114	57698	Bidor Tahan Estate Sdn. Bhd. 1/1 bhg.	90.2448	0.6011
6096	7767	Leow Chee Hing 1/1 bhg.	13.1279	0.5231

Bertarikh 16 November 2007

Dated 16 November 2007

[PTG.Pk. 171/2-17(C); JKPTG.Pk. 171/2/2007-15A;  
PU.Pk. 67/71-37]

DATO' ABU ZAR BIN OMAR  
*Pengarah Tanah dan Galian Negeri/  
State Director of Lands and Mines  
Perak*

## No. 1579.

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah dan kawasan tertentu yang diperlukan dalam Jadual di bawah ini dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Pengambilan tanah di bawah perenggan 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486] untuk Projek Tapak Tambahan Klinik Desa Parit Haji Wahab, Mukim Bagan Tiang, Daerah Kerian.

2. Pelan tanah dan kawasan yang dinyatakan itu boleh diperiksa pada waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat letaknya tanah dan kawasan itu.

It is hereby declared that the particular lands and areas specified in the Schedule hereto are needed for the following purposes:

Land acquisition under paragraph 3(1)(a) of the Land Acquisition Act 1960 [Act 486] for Projek Tapak Tambahan Klinik Desa Parit Haji Wahab, Mukim Bagan Tiang, Daerah Kerian.

2. A plan of the particular lands and areas so specified may be inspected during the normal hours of business in the Land Office of the District in which such lands and areas are situated.

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

20hb Dis. 2007]

1387

## JADUAL/SCHEDULE

Daerah/District—Kerian. Mukim—Bagan Tiang.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Kependudukan	Tuan punya berdaftar atau penduduk yang direkodkan	Keluasan Lot	Keluasan yang akan Diambil
Survey Lot No.	Title or Occupation	Registered Proprietor or Recorded Occupant	Area of Lot	Approximate Area to be Acquired
	G.M.		HEKTAR/ HECTARES	HEKTAR/ HECTARES
3600	1293	Ahmad bin Karim 2/10 bhg., Ahmad bin Karim 2/35 bhg., Fatimah bt. Abd Karim 1/10 bhg., Fatimah bt. Abd. Karim 1/35 bhg., Habsah bt. Karim 1/10 bhg., Khalijah bt. Abd. Karim 1/10 bhg., Khalijah bt. Abd. Karim 1/35 bhg., Samsudin bin Karim 2/10 bhg., Samsudin bin Karim 2/35 bhg., Zainab @ Sepiah bt. Karim 1/10 bhg. dan Zainab @ Sepiah bt. Karim 1/35 bhg.	0.6034	0.6034

Bertarikh 20 November 2007

Dated 20 November 2007

[PTG.Pk. 176/2-31(C); JKPTG.Pk. 176/2/2007-12A;  
PU.Pk. 67/71-37]

DATO' ABU ZAR BIN OMAR  
*Pengarah Tanah dan Galian Negeri/  
State Director of Lands and Mines  
Perak*

### No. 1580.

Adalah dengan ini diisyiharkan bahawa tanah dan kawasan tertentu yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini dikehendaki bagi maksud yang berikut:

Pengambilan tanah di bawah perenggan 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486] untuk Tapak Tambahan Sekolah Kebangsaan Seri Selama, Mukim Selama, Daerah Larut, Matang dan Selama.

2. Pelan tanah dan kawasan yang dinyatakan itu boleh diperiksa pada waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah tempat letaknya tanah dan kawasan itu.

It is hereby declared that the particular lands and areas specified in the Schedule hereto are needed for the following purposes:

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

1388

[20hb Dis. 2007]

Land acquisition under paragraph 3(1)(a) of the Land Acquisition Act 1960 [Act 486] for Tapak Tambahan Sekolah Kebangsaan Seri Selama, Mukim Selama, Daerah Larut, Matang dan Selama.

2. A plan of the particular lands and areas so specified may be inspected during the normal hours of business in the Land Office of the District in which such lands and areas are situated.

## JADUAL/SCHEDULE

Daerah/District—Larut, Matang dan Selama. Mukim—Selama.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Kependudukan	Tuan punya berdaftar atau penduduk yang direkodkan	Keluasan Lot	Keluasan yang akan Diambil
Survey Lot No.	Title or Occupation	Registered Proprietor or Recorded Occupant	Area of Lot	Approximate Area to be Acquired
	G.M.		HEKTAR/ HECTARES	HEKTAR/ HECTARES
21	3934	Ambrose Abdul Molok bin Abdul Aziz 1/3 bhg., Maharani binti Abdul Aziz 1/3 bhg. dan Maheran binti Abdul Aziz 1/3 bhg.	1.5429	1.5429

Bertarikh 20 November 2007

Dated 20 November 2007

[PTG.Pk. 178/9-34(C); JKPTG.Pk. 178/9/2007-30A;

PU.Pk. 67/71-37]

DATO' ABU ZAR BIN OMAR  
*Pengarah Tanah dan Galian Negeri/  
State Director of Lands and Mines  
Perak*

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960  
(Bil. 34 Tahun 1960)

LAND ACQUISITION ACT 1960  
(No. 34 of 1960)

**No. 1581.**

(Seksyen 35)

PENARIKAN-PENARIKAN PENGAMBILAN TANAH

(Section 35)

WITHDRAWALS FROM LAND ACQUISITION

Berhubung dengan Pemberitahu Bil. 759 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak* pada 21 Jun 2007 adalah dengan ini diberitahu bahawa menurut peruntukan seksyen 35(1) Akta Pengambilan Tanah 1960, maka Pihak Berkuasa Negeri mernarik balik pengambilan tanah yang dinyatakan dalam Jadual berkenaan.

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

20hb Dis. 2007]

1389

With reference to Notification No. 759 published in the Perak Government Gazette on 21 June 2007 it is hereby notified that in pursuance of the provision of section 35(1) of the Land Acquisition Act 1960, the State Authority hereby withdraws from the acquisition of the land described in the Schedule thereof.

## JADUAL/SCHEDULE

### Daerah/District—Kuala Kangsar. Mukim—Sayung.

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
No. Survey	Hakmilik atau Kependudukan	Tuan punya berdaftar atau penduduk yang direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
Lot No.	Title or Occupation	Registered Proprietor or Recorded Occupant	Area of Lot	Approximate Area to be Acquired
		G.M.	HEKTAR/ HECTARES	HEKTAR/ HECTARES
3691	3165	Ahmad Fuad bin Yeop Omar 14/152 bhg., Baiyah bt. Yeop Omar 7/152 bhg., Fatimah bt. Yeop Omar 7/152 bhg., Mahami bt. Yaakob & Zolkifli bin Yeop Omar sebagai pemegang amanah 7/152 bhg., Mahami bt. Yaakob 19/152 bhg., Mahiah bt. Youb Omar 7/152 bhg., Mohamad Hamdan bin Yeop Omar 14/152 bhg., Mohd. Razali bin Yeop Omar 14/152 bhg., Mustafa bin Yeop Omar 14/152 bhg., Othman Ghani bin Yeop Omar 14/152 bhg., Rodziah bt. Youb Omar 7/152 bhg., Sharip Huddin bin Yeop Omar 14/152 bhg. dan Zolkifli bin Yeop Omar 14/152 bhg.	1.1129	0.0799
3689	1718	Ahmad Fuad bin Yeop Omar 14/152 bhg., Baiyah bt. Yeop Omar 7/152 bhg., Fatimah bt. Yeop Omar 7/152 bhg., Mahami bt. Yaakob & Zolkifli bin Yeop Omar sebagai wakil mentadbir 7/152 bhg., Mahami bt. Yaakob 19/152 bhg., Mahiah bt. Youb Omar 7/152 bhg., Mohamad Hamdan bin Yeop Omar 14/152 bhg., Mohd. Razali bin Yeop Omar 14/152 bhg., Mustafa bin Yeop Omar 14/152 bhg., Othman Ghani bin Yeop Omar 14/152 bhg., Rodziah bt. Youb Omar 7/152 bhg., Sharip Huddin bin Yeop Omar 14/152 bhg. dan Zolkifli bin Yeop Omar 14/152 bhg.	0.7689	0.7689

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

1390

[20hb Dis. 2007]

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
			HEKTAR/ HECTERES	HEKTAR/ HECTERES
G.M.				
5149	3165	Mohamed Akif Emir b. Ahmad Teruki 1/2 bhg. dan Shoad Amir binti Ahmad Tourki 1/2 bhg.	0.5564	0.5564

Bertarikh 19 November 2007

Dated 19 November 2007

[PTG.Pk. 177/11-36(C); JKPTG.Pk. 177/11/2007-13A Jld.2;

PU.Pk. 67/71-37]

DATO' ABU ZAR BIN OMAR  
*Pengarah Tanah dan Galian Negeri/  
State Director of Lands and Mines  
Perak*

## No. 1582.

Berhubung dengan Pemberitahu Bil. 1152 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak* pada 13 September 2007 adalah dengan ini diberitahu bahawa menurut peruntukan seksyen 35(1) Akta Pengambilan Tanah 1960, maka Pihak Berkuasa Negeri mernarik balik pengambilan tanah yang dinatakan dalam Jadual berkenaan.

With reference to Notification No. 1152 published in the Perak Government Gazette on 13 September 2007 it is hereby notified that in pursuance of the provision of section 35(1) of the Land Acquisition Act 1960, the State Authority hereby withdraws from the acquisition of the land described in the Sechedule thereof.

### JADUAL/SCHEDEULE

Daerah/District—Kuala Kangsar. Mukim—Sayung.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Kependudukan	Tuan punya berdaftar atau penduduk yang direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
Survey Lot No.	Title or Occupation	Registered Proprietor or Recorded Occupant	Area of Lot	Approximate Area to be Acquired
	P.N.		HEKTAR/ HECTARES	HEKTAR/ HECTARES
6676	104488	Majorhome Development Sdn. Bhd. 1/1 bhg.	2.537	2.537

Bertarikh 20 November 2007

Dated 20 November 2007

[PTG.Pk. 178/2-47(C); JKPTG.Pk. 178/1/2007-11A;

PU.Pk. 67/71-37]

DATO' ABU ZAR BIN OMAR  
*Pengarah Tanah dan Galian Negeri/  
State Director of Lands and Mines  
Perak*

## WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

20hb Dis. 2007]

1391

### PEMBERITAHUAN LEWAT

No. 1583.

AKTA EKSAIS 1976  
(Akta 176)

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN (EKSAIS)

Dengan ini diberitahu bahawa Lembaga Pelesenan (Eksais) Daerah Hulu Perak akan mengadakan persidangannya di Bilik Pegawai Daerah Hulu Perak pada hari Isnin, 31 Disember 2007, jam 9.00 pagi bagi menimbangkan permohonan-permohonan lesen baru/pembaharuan dan pindah milik lesen bagi tempoh setengah tahun pertama 2008.

2. Permohonan hendaklah menggunakan borang (Eksais 27) dalam enam (6) salinan dikemukakan kepada Pengerusi Lembaga Pelesenan (Eksais) Daerah Hulu Perak, d/a Pejabat Daerah Hulu Perak, 33300 Gerik pada atau sebelum 15 Disember 2007.
3. Bagi permohonan lesen baru hendaklah disertakan dengan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan yang sah dan mempamerkan satu (1) salinan permohonan di premis yang hendak dilesenkan tidak kurang dari dua (2) minggu sebelum tarikh persidangan. Permohonan hendaklah diiklankan dalam sebuah akhbar berbahasa Melayu dengan perbelanjaan sendiri.
4. Bantahan terhadap permohonan lesen baru hendaklah dikemukakan kepada Pengerusi Lembaga Pelesenan (Eksais) Daerah Hulu Perak, Gerik selewat-lewatnya tujuh hari sebelum tarikh persidangan.

Bertarikh 3 Disember 2007

[P.D.Hu.Pk. 208 Bhg.22]

DATO' HAJI ABDUL KARIM BIN OSMAN  
*Pengerusi*  
*Lembaga Pelesenan (Eksais)*  
*Daerah Hulu Perak*

AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984

NATIONAL FORESTRY ACT 1984

No. 1584.

PELANTIKAN DAN PEMBATALAN PELANTIKAN PEGAWAI-PEGAWAI  
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

APPOINTMENT AND REVOCATION OF APPOINTMENT OF  
OFFICERS OF THE FORESTRY DEPARTMENT OF PERAK

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(1) Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313], Pihak Berkuasa Negeri melantik pegawai-pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual Pertama untuk memegang jawatan yang dinyatakan bersetentangan dengan nama mereka masing-masing dalam ruang (2) berkuat kuasa mulai tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3).

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

1392

[20hb Dis. 2007]

2. Pelantikan pegawai-pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual Kedua yang memegang jawatan yang dinyatakan bersetentangan dengan nama mereka masing-masing dalam ruang (2) dibatalkan mulai tarikh yang dinyatakan dalam ruang (3).

In exercise of the powers conferred by subsection 3(1) of the National Forestry Act 1984 [Act 313], the State Authority appoints the officers named in column (1) of the First Schedule to hold the offices specified against their respective names in column (2) with effect from the dates specified in column (3).

2. The appointment of officers named in column (1) of the Second Schedule holding the offices specified against their respective names in column (2) is revoked with effect from the dates specified in column (3).

## JADUAL PERTAMA/FIRST SCHEDULE

(1)	(2)	(3)
Encik Masran bin Md. Salleh	Pengarah Perhutanan Negeri State Director of Forestry	1-8-2007
Encik Md. Zaidey bin Abdul Kadir	Pegawai Hutan Daerah Kinta/Manjung, Batu Gajah District Forest Officer Kinta/ Manjung, Batu Gajah	16-4-2007
Encik Mohd Suhaimi bin Mohd Noor	Penolong Pegawai Hutan Daerah Larut dan Matang Assistant District Forest Officer Larut dan Matang Taiping	16-4-2007

## JADUAL KEDUA/SECOND SCHEDULE

(1)	(2)	(3)
Dato' Razani bin Ujang	Pengarah Perhutanan Negeri State Director of Forestry	1-8-2007
Encik Abdullah Sani bin Shaffie	Timbalan Pengarah (Pembangunan) Deputy Director (Development)	16-7-2007
Encik Roslan bin Rani	Penolong Pengarah (Operasi dan Penguatkuasaan) Assistant Director (Operation and Enforcement)	16-4-2007

## WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

20hb Dis. 2007]

1393

(1)	(2)	(3)
Encik Abd. Ramlizauyah-hudin bin Mahli	Pegawai Hutan Daerah Kinta/Manjung, Batu Gajah  District Forest Officer Kinta/Manjung, Batu Gajah	16-4-2007
Encik Md. Zaidey bin Abdul Kadir	Penolong Pegawai Hutan Daerah Hulu Perak (Lenggong)  Assistant District Forest Officer Hulu Perak (Lenggong)	16-4-2007
Encik Rusli bin Haji Tahir	Penolong Pegawai Hutan Daerah Larut dan Matang (Laut)  Assistant District Forest Officer Larut dan Matang (Laut)	16-4-2007

Bertarikh 30 November 2007  
[PSUK.(BPK) 1A 355/951/7 Jld 2(12);  
PU.Pk. 27/05]

ABDULLAH BIN ANTONG SABRI  
*Setiausaha/Secretary*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan/*  
*State Executive Council*  
*Perak*

### No. 1585.

#### PENGELUARAN SEBAHAGIAN DARIPADA KAWASAN HUTAN SIMPAN BUBU

#### EXCISION OF PART OF LAND FROM THE BUBU FOREST RESERVE

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 11 dan 13 Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengisyiharkan bahawa mulai dari tarikh disiarkan Pemberitahuan ini dalam *Warta*, maka kawasan yang dinyatakan dalam Jadual yang menjadi sebahagian daripada kawasan yang diisyiharkan sebagai Hutan Simpan Bubu yang disiarkan melalui *Warta* Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu No. 547 tahun 1921 hendaklah dikeluarkan daripada menjadi Hutan Simpanan Kekal itu.

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

1394

[20hb Dis. 2007]

## JADUAL

Tanah seluas 6.68 hektar dalam Mukim Senggang, Daerah Kuala Kangsar bergaris tepi kelabu pada P.W. 1848 yang tersimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Perak.

Bertarikh 22 November 2007.

[PTG.Pk. 241/12-16 (C); PTKK(PT) 249/94;  
PU.Pk. 67/71-47 Jld.2]

ABDULLAH BIN ANTONG SABRI

*Setiausaha*

*Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Perak*

In exercise of the powers conferred by sections 11 and 13 of the National Forestry Act 1984 [*Act 313*], the State Authority hereby declares that from the date of publication of this Notification in the *Gazette*, the area described in the Schedule being part of the area declared as the Bubu Forest Reserve published *vide* Federated Malay States Government *Gazette* No. 547 in 1921 shall excise from a permanent reserved forest.

## SCHEDULE

The land of approximately 6.68 hectares in the Mukim of Senggang, District of Kuala Kangsar outlined in grey on P.W. 1848 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping, Perak.

Dated 22 November 2007.

[PTG.Pk. 241/12-16 (C); PTKK(PT) 249/94;  
PU.Pk. 67/71-47 Jld.2]

ABDULLAH BIN ANTONG SABRI

*Secretary*

*State Executive Council  
Perak*

## AKTA KERJA SALIRAN 1954

## DRAINAGE WORKS ACT 1954

### No. 1586.

PELANTIKAN PENGERUSI DAN ANGGOTA-ANGGOTA  
LEMBAGA SALIRAN BAGI KAWASAN SENIN DAERAH PERAK TENGAH

APPOINTMENT OF CHAIRMAN AND MEMBERS OF THE DRAINAGE BOARD  
FOR THE AREA OF SENIN DISTRICT OF PERAK TENGAH

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 4 Akta Kerja Saliran 1954 [*Acta 354*], Raja dalam Mesyuarat melantik pegawai-pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual untuk menjadi anggota Lembaga Saliran bagi Kawasan Senin, Daerah Perak Tengah sebagaimana yang dinyatakan masing-masing bersetentangan dengan nama mereka dalam ruang (2), bagi tahun 2007.

In exercise of the powers conferred by section 4 of the Drainage Works Act 1954 [*Act 354*], the Ruler in Council appoints the officers named in column (1) of the Schedule to be the members of the Drainage Board for the area of Senin, District of Perak Tengah as specified respectively against their names in column (2) for the year 2007.

## JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)
Pegawai Daerah, Perak Tengah	Pengerusi/Chairman
Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran, Perak Tengah	Setiausaha/Secretary
Ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah), Perak Tengah	Ahli/Member
Ahli Dewan Undangan Negeri, Kawasan Bota	Ahli/Member
Ahli Parlimen Parit	Ahli/Member
Pegawai Pertanian Daerah, Perak Tengah	Ahli/Member
Pengerusi, Pertubuhan Peladang Negeri Perak	Ahli/Member
Penghulu, Mukim Layang-Layang	Ahli/Member
Ketua Kampung, Kampung Senin	Ahli/Member

Bertarikh 22 November 2007

Dated 22 November 2007

[PSUK.Pk. (BPK)1A 355/951/2/19 (58);  
PU.Pk. 67/71-36]

ABDULLAH BIN ANTONG SABRI  
*Setiausaha/Secretary*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan/*  
*State Executive Council*  
*Perak*

**No. 1587.**

**PELANTIKAN PENGERUSI DAN ANGGOTA-ANGGOTA  
 LEMBAGA SALIRAN BAGI KAWASAN TELUK KETAPANG  
 DAERAH PERAK TENGAH**

**APPOINTMENT OF CHAIRMAN AND MEMBERS OF THE DRAINAGE BOARD  
 FOR THE AREA OF TELUK KETAPANG DISTRICT OF PERAK TENGAH**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 4 Akta Kerja Saliran 1954 [*Acta 354*], Raja dalam Mesyuarat melantik pegawai-pegawai yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual untuk menjadi anggota Lembaga Saliran bagi Kawasan Teluk Ketapang, Daerah Perak Tengah sebagaimana yang dinyatakan masing-masing bersetentangan dengan nama mereka dalam ruang (2), bagi tahun 2007.

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

1396

[20hb Dis. 2007]

In exercise of the powers conferred by section 4 of the Drainage Works Act 1954 [*Act 354*], the Ruler in Council appoints the officers named in column (1) of the Schedule to be the members of the Drainage Board for the area of Teluk Ketapang, District of Perak Tenah as specified respectively against their names in column (2) for the year 2007.

## JADUAL/SCHEDELE

(1)	(2)
Pegawai Daerah, Perak Tengah	Pengerusi/Chairman
Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran, Perak Tengah	Setiausaha/Secretary
Ketua Penolong Pegawai Daerah, Kampung Gajah	Ahli/Member
Ahli Dewan Undangan Negeri, Kawasan Kampung Gajah	Ahli/Member
Ahli Dewan Undangan Negeri, Kawasan Sungai Manik	Ahli/Member
Pegawai Pertanian Daerah, Perak Tengah	Ahli/Member
Pengerusi, Pertubuhan Peladang Negeri Perak	Ahli/Member
Penghulu, Mukim Kota Setia	Ahli/Member
Ketua Kampung, Sungai Besar (Mukim Kota Setia)	Ahli/Member

Bertarikh 22 November 2007

Dated 22 November 2007

[PSUK.Pk. (BPK)1A 355/951/2/18 (10);  
PU.Pk. 67/71-36]

ABDULLAH BIN ANTONG SABRI  
*Setiausaha/Secretary*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan/*  
*State Executive Council*  
*Perak*

## KANUN TANAH NEGARA (Akta 56 tahun 1965)

No. 1588.

(Seksyen 261)

### SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Mohamad Yusob bin Darham yang beralamat di No. 787A, Lorong Satu Kpg. Jana Baru, 34600 Kamunting, Perak penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/pajakan/pajakan kecil sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

## WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

20hb Dis. 2007]

1397

Bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Taiping pada hari Jumaat, 4 Januari 2008 jam 12.00 tengahari.

Maka oleh yang demikian, menurut seksyen 261(1)(c) Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Asam Kumbang. No. Lot—5478. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1311 Luas: 0.8392 hektar. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua bah. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 3047/2005.

Bertarikh 4 Disember 2007  
[PTLM. 369/37/2007/01]

ZAINAL BADRI BIN ABU BAKAR  
*b.p. Pentadbir Tanah Daerah  
Larut dan Matang*

Hakcipta Pencetak<sup>(H)</sup>  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA